# Peristiwa-Peristiwa Berdarah di Sabah

ISMAIL ABBAS dan K.BALI



KK. 881 – 3040 0101

Antologi Cerita Sejarah ini diterbitkan atas usaha Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah dengan kerjasama Cawangan Remaja Bahagian Penerbitan Umum Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur. Cerita di dalam antologi ini pernah tersiar di dalam majalah Dewan Perintis di antara tahun 1979 - 1980. Ilustrasi oleh: Mohd. Anwar Mahmud Chuchu.

Cetakan Pertama 1985
© Ismail Abbas

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang, dalam apa juga bentuk pun dan dengan cara apa jua pun secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain, mana-mana bahagian artikel/ilustrasi kandungan buku ini sebelum mendapat izin bertulis dari Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti dan honorarium.
Dicetak oleh
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur

**$5.00**

HADIAH IKHLAS
Dewan Bahasa Dan Pustaka
Cawangan Sabah.

## KATA PENGANTAR

PERISTIWA-PERISTIWA Berdarah Sabah yang dimuatkan dalam antologi ini pernah disiarkan secara bersiri dalam majalah *Dewan Perintis* edisi Sabah sejak Julai 1978 sehingga Oktober 1979. Buku ini memuatkan sebanyak 21 buah cerita yang sebilangan besarnya ditulis oleh Ismail Abbas atau Amil Jaya, seorang penulis veteran Sabah, manakala dua buah cerita lagi iaitu 'Perang Kawang' dan 'Manggalela Kota Perkasa' ditulis oleh K. Bali, juga seorang penulis Sabah, yang dikenali ramai.

Peristiwa-peristiwa yang terkandung di dalam buku ini berlaku pada zaman penjajahan British, zaman pemerintahan Jepun sehinggalah Malaysia mencapai kemerdekaan. Peristiwa-peristiwa ini amat bererti kepada para pelajar dan masyarakat umum lebih-lebih lagi kepada penduduk peribumi Sabah kerana ia mencatatkan sejarah yang pernah berlaku di negeri tersebut.

Sejarah boleh ditakrifkan sebagai penyelidikan atau penyiasatan yang mempunyai atau mengandungi butir-butir atau bukti masa lepas. Kajian sejarah merupakan tafsiran/ulasan kepada bukti-bukti yang pada umumnya disifatkan sebagai kenyataan. Dalam buku ini, walaupun dari segi tarikh berlakunya setiap peristiwa, penulis tidak memberinya secara terperinci tetapi cukup dan memadailah dimasukkan tahun berlakunya peristiwa tersebut, nama orang-orang yang terlibat dan tempat di mana kejadian tersebut berlaku.

Penulis-penulisnya menyanjung tinggi usaha-usaha tokoh tempatan seperti Paduka Mat Salleh, Datu Tating, Pangeran Samah, Syarif Usman dan ramai lagi menentang penjajah. Membaca cerita-cerita ini akan membawa keinsafan kepada pembaca bahawa negeri Sabah juga mempunyai pahlawan-pahlawan terbilang yang patut dibanggakan dan disanjung tinggi. Kisah-kisah yang sedemikian akan menjadi warisan kepada generasi sekarang dan yang akan datang.

Peristiwa-peristiwa yang dimuatkan dalam buku ini ditulis semula secara kreatif. Namun begitu penulis telah menyusun cerita demi cerita mengikut urutan tahun peristiwa itu berlaku. Dalam sesuatu peristiwa, jika terdapat kemenangan di pihak British atau Jepun, pen-



duduk tempatan tidak akan berdiam diri. Mereka yang mempunyai semangat berjuang akan menuntut bela di atas kematian orang-orang kesayangan mereka.

Ianya juga memuatkan kisah kekejaman pihak penjajah (British dan Jepun) terhadap penduduk tempatan pada suatu masa dulu. Mereka semata-mata mahu membolot kawasan, harta kekayaan dan perdagangan secara kekerasan. Ada juga kaum peribumi Sabah yang tamakkan kuasa, berjaya dipengaruhi dan dipujuk rayu oleh orang-orang asing dan bekerjasama dengan mereka. Sebaliknya bagi mereka yang tahu bahawa kehidupan mereka sudah tergugat, mereka akan menentang habis-habisan demi tanahair tercinta. Bak kata pepatah, 'Biar putih tulang, jangan putih mata'.

Semoga dengan adanya *Peristiwa-Peristiwa Berdarah Sabah* ini akan menjadi salah sebuah bahan bacaan bersifat sejarah kepada para pelajar dan masyarakat umum yang popular dan bermanfaat.

Dewan Bahasa dan Pustaka
Cawangan Sabah,
Kota Kinabalu,
1984.

ROSNAH AWANG

HAD[illegible]LAS
Dewan Bahasa Dan Pustaka
Cawangan Sabah.

## KANDUNGAN


| Kata Pengantar | muka surat |
|---|---|
| 1. Datu Tating Mengganas | 1 |
| 2. Kepahlawanan Syarif Usman | 10 |
| 3. Pembelaan Pengeran Usop | 19 |
| 4. Haji Saman Memberontak | 25 |
| 5. Datu Baginda Putih | 35 |
| 6. Sengketa Di Gua Gomantong | 39 |
| 7. Perang Kawang | 45 |
| 8. Manggalela Kota Perkasa | 52 |
| 9. Api Dan Maut Di Kalabakan | 60 |
| 10. Paduka Mat Salleh | 73 |
| 11. Timus Dan Kawan-Kawannya | 108 |
| 12. Dendam Si Gunting | 114 |
| 13. Si Kisi Mengamuk | 123 |
| 14. Darah Menitis Di Rundum | 129 |
| 15. Perjalanan Maut | 139 |
| 16. Perjalanan Maut Kedua | 145 |
| 17. Mamutik Pulan Janda | 150 |
| 18. Albert Kwok | 158 |

muka surat

19. Tragedi Di Kapal Dolphin 163
20. Mundu Yang Ganas 170
21. Kalabakan Diserang 178



# 1. DATU TATING MENGGANAS

PADA pertengahan kurun yang kelima belas orang-orang Inggeris mula bertapak di negeri Sabah. Mereka berhasrat, menguasai dan membolot kegiatan perdagangan rempah yang berpusat di negeri-negeri Asia Tenggara pada ketika itu. Namun begitu saudagar-saudagar Inggeris menjadi semakin bimbang apabila mereka terpaksa bersaingan hebat dengan saudagar-saudagar Eropah yang lain seperti Sepanyol, Belanda dan Portugis. Dengan demikian, didorong oleh rasa tamak dan keinginan untuk mendapatkan monopoli bahan-bahan rempah itu seluruhnya, Inggeris telah bertindak mengatur strategi untuk mendapatkan kuasa ke atas kawasan-kawasan tanah yang menjadi pusat kegiatan pasaran rempah itu. Salah satu cara yang mereka lakukan ialah dengan pergi sendiri ke Sulu untuk meminta izin dari Sultan Sulu. Tugas ini dilaksanakan oleh seorang



Pegawai Syarikat India Timur yang bertugas di Madras bernama Alexander Dalrymple.

Apabila Dalrymple tiba ke Sulu, beliau mendapati Sultan Sulu yang sebenar telah ditawan dan dipenjara oleh orang-orang Sepanyol di Manila. Atas tujuan hendak berniaga, Pemangku Sultan telah membenarkan Dalrymple membuka pusat perniagaannya di Pulau Balambangan. Sungguhpun telah mendapat izin, Dalrymple merasa bimbang kerana keizinan itu bukannya datang dari Sultan yang sebenar.

Sekembalinya Dalrymple dari Sulu, timbullah keinginan di hatinya untuk membebaskan Sultan Sulu yang ditawan oleh orang-orang Sepanyol itu. Tindakan Dalrymple itu diperkuatkan lagi memandangkan hubungan Inggeris dengan Sepanyol menjadi semakin tegang kerana negeri Sepanyol dan Inggeris ketika itu sedang bertelingkah.

Untuk menjayakan cita-cita Dalrymple khasnya dan Inggeris umumnya, Kapten William Drapper telah diarahkan untuk melaksanakan tugas menawan Manila dari pasukan Sepanyol pada tahun 1762 disamping membebaskan Sultan Alimuddin, iaitu, Sultan Sulu yang sah.

Tugas itu telah dapat disempurnakan oleh Kapten William Drapper dengan jayanya. Kota Manila yang menjadi pusat kuasa Sepanyol

telah dapat ditawan. Sultan Alimuddin telah berjaya dibebaskan dan Inggeris telah menghantar baginda kembali ke Sulu. Baginda Sultan yang enggan menaiki takhta kerajaan negeri Sulu telah melantik anak saudaranya menjadi Sultan yang baru.

Sebagai mengenang jasa orang-orang Inggeris membebaskan bapa saudaranya dari tawanan orang-orang Sepanyol di Manila, Sultan Sulu telah bersetuju membenarkan Inggeris menubuhkan pusat perdagangannya di Pulau Balambangan dan juga di kawasan-kawasan lain yang berada di bawah naungan pemerintahan Kesultanan Sulu. Perjanjian persetujuan itu telah ditandatangani pada tahun 1764.

Beberapa tahun kemudian, Sultan Israel pula telah menjadi Sultan yang baru. Tidak seperti Sultan yang terdahulu, baginda enggan bekerjasama dengan Inggeris ataupun dengan kuasa-kuasa asing yang lain. Sikap baginda itu telah mengakibatkan kedudukannya sebagai raja tergugat.

Sultan Israel amat mencurigai kejujuran pihak Inggeris. Untuk memastikan tindak tanduk pihak Inggeris, baginda telah melantik saudara sepupunya Datu Tating, untuk mengintip gerak-geri Inggeris di Pulau Balambangan. Pada tahun 1775, Pihak Inggeris nampaknya begitu berusaha untuk meluaskan pengaruh



mereka di pulau itu. Datu Tating menyamar diri dan bekerja dengan Kompeni Hindia Timur sebagai tukang kayu. Kerja itu memudahkan beliau mengintip semua gerak-geri Inggeris di Pulau itu. Malah beliau telah dipercayai oleh kompeni sehingga diberi kontrak membina dan menyiapkan bangunan.

Pada suatu hari, Datu Tating terdengar beberapa orang pegawai-pegawai Inggeris mencaci dan menghina Sultan Sulu. Datu Tating menjadi amat marah apabila bapa saudaranya itu diperkotak-katikkan. Pegawai-pegawai Inggeris itu telah menguatkan cercaan mereka dengan mengatakan yang Sultan Sulu itu ibarat akar pokok dedalu yang hanya ingin meluas dan mencengkam kekuasaannya.

Penghinaan ke atas bapa saudaranya itu telah membangkitkan rasa marah yang amat sangat di hati Datu Tating. Mukanya menjadi merah padam kerana bapa saudaranya yang menjadi Sultan telah dihina oleh orang-orang kafir yang hanya menumpang di negerinya.

Datu Tating kemudian mengajak saudara sepupunya, Dakula, pergi ke Pulau Banggi. Di sana, mereka berjaya mengumpulkan kira-kira 300 orang pengikut dari suku Ilanun dan Suluk. Selama berada di pulau Balambangan, Datu Tating telah banyak mengetahui kekuatan Kompeni Hindia Timur itu. Kekuatan tentera hanya

# Peristiwa–Peristiwa Berdarah di Sabah

**"Biar Putih Tulang, Jangan Putih Mata"**

Nama-nama seperti Paduka Mat Salleh, Datu Tating, Pangeran Samah, Sharif Usman dan lain-lain mempunyai makna yang tersendiri bagi penduduk negeri Sabah. Mereka adalah pejuang yang menggadaikan nyawa bagi mempertahankan tanahair. Pengorbanan yang bukan kepalang besarnya, jasa yang akan terus diingat oleh anak cucu zaman berzaman, nama baik yang mengharum di dalam sejarah.

Penjajah. Satu nama yang membuakkan kemarahan di kalangan anak negeri yang bersumpah setia. Satu malapetaka yang menggerhanakan kehidupan anak bangsa. Walau apa pun alasan kedatangan mereka: Baik meluaskan jajahan takluk atau membolot kawasan harta dan kegiatan perdagangan, akibatnya seribu satu. Kebebasan dan kedaulatan. Maruah dan kebanggaan bangsa. Itulah ganjarannya.

Lalu pejuang yang gigih ini mempertaruhkan segala-galanya demi kebebasan, sekalipun berdepan dengan musuh yang lebih besar kelengkapannya, lebih ramai bilangannya, juga anak negeri sendiri yang mengkhianati perjuangan itu.

Dua puluh satu peristiwa yang terkandung di dalam buku ini disusun secara kronologi.

*"Hebat! Cerita-cerita yang harus menjadi kebanggaan setiap orang yang cintakan negaranya!"*
— **Saleh Daud**, editor

PERISTIWA-PERISTIWA BERDARAH DI SABAH

R
89
.2
01
Is